



PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Perak
Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

No. Telefon : 05-5018400 (Am)

No. Faks : 05-5018540 (KHS)
05-5018522 (Am)

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 ()

Tarikh : **9** Muharram 1443H
18 Ogos 2021M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 3 Tahun 2021

Garis Panduan Pakaian
Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Utama Syariah,
Ketua Pendakwa Syarie Dan Pendakwa Syarie, Peguam Syarie,
Pegawai Dan Petugas Dalam Dewan Mahkamah Utama Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A/ Y.A/ Tuan/ Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 11 Ogos 2021 dan selaras dengan Seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Garis Panduan Pakaian Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Utama Syariah, Ketua Pendakwa Syarie Dan Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai Dan Petugas Dalam Dewan Mahkamah Utama Syariah seperti di lampiran.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai **1 September 2021.**



(HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR P.M.P, A.M.P)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. S.S Mufti Kerajaan Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak
5. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
6. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Cawangan Negeri Perak
7. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
8. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
9. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
10. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

**Garis Panduan Pakaian
Ketua Hakim Syarie Dan Hakim Mahkamah Utama Syariah
Dalam Mahkamah Utama Syariah**

Lelaki: Berjubah khas (dalam Mahkamah Utama Syariah sahaja), bersongkok hitam, berbaju melayu hitam dan bersampin hitam atau berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam serta berkasut hitam.

Perempuan: Berjubah khas (dalam Mahkamah Utama Syariah sahaja), berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/ bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung hitam, berstokin dan berkasut hitam bertutup.

**Garis Panduan Pakaian
Pegawai Dan Petugas Mahkamah
Dalam Dewan Perbicaraan Mahkamah Utama Syariah.**

Garis panduan pakaian Pegawai dan petugas Mahkamah termasuklah Ketua Pendaftar, Pegawai Penyelidik Panel Mahkamah Utama Syariah, Pembantu Hakim, Jurutulis, Jurubahasa dan Urusetia Sidang Mahkamah Utama Syariah yang bertugas ketika prosiding di Mahkamah Utama Syariah iaitu:—

Lelaki: Bersongkok hitam, berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.

Perempuan: Berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/ bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/ kelabu gelap tidak bercorak, berstokin serta berkasut hitam bertutup.

2. Arahan Amalan ini tidak terpakai kepada anggota keselamatan beruniform yang bertugas di Mahkamah Syariah.

**Garis Panduan Pakaian
Ketua Pendakwa Syarie Dan Pendakwa Syarie
Dalam Mahkamah Utama Syariah**

- Lelaki:** Berjubah khas (dalam Mahkamah Utama Syariah sahaja) bersongkok hitam/ berserban putih, dan berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.
- Perempuan:** Berjubah (dalam Mahkamah Utama Syariah sahaja) dan berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/ bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/ kelabu gelap tidak bercorak, berstokin serta berkasut hitam bertutup.

**Contoh Jubah Khas
Ketua Pendakwa Syarie / Pendakwa Syarie / Peguam Syarie**

Kain berwarna hitam



HADAPAN

BELAKANG

**Garisan berwarna
benang keemasan**